

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Nogeh anak Gumbek
[Mas Gading]**

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 54

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina loji rawatan air baru di Bau memandangkan peningkatan penggunaan air bersih dan terawat di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menyemak perkara ini dengan JKR Sarawak dan telah dimaklumkan bahawa tiada perancangan untuk membina atau menaiktaraf loji rawatan air di Bau. Perkara ini adalah kerana bekalan air di kawasan Bau akan disalurkan dari Loji Rawatan Air Batu Kitang, Kuching pada masa akan datang.